

16 APR 1996

MELAKA CADANG BINA MASJID DI BOSNIA HERZOGOVINA

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka bercadang membina sebuah masjid bernilai RM1 juta di Bosnia Herzogovina sebagai hadiah kepada kerajaan persekutuan negara itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata pembinaan masjid itu bertujuan membantu umat Islam negara itu selepas menghadapi peperangan mempertahankan kemerdekaan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya di sini, beliau berkata masjid itu bercirikan reka bentuk Masjid Negeri Melaka, Masjid Al Azim.

Kerajaan negeri akan mendapatkan persetujuan kerajaan pusat bagi cadangan pembinaan masjid itu, katanya.

Zin berkata kos pembinaan masjid itu akan dibiayai kerajaan negeri dan sumbangan derma sektor korporat dan orang ramai di sini.

Sebuah tabung khas bagi tujuan itu dijangka akan dilancarkan sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Melaka pada 2 dan 3 Mei ini, katanya. -- Bernama

MOZ AHH